

SYARIKAT SIMEN TERBESAR DI MALAYSIA NAIKKAN HARGA PRODUK

'Pengeluar perlu beri penjelasan'

➔ Kenaikan akibatkan kesan rantaian kepada pelbagai industri lain

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Georgetown

Syarikat pengeluar simen terbesar di Malaysia digesa memberi alasan susulan tindakan mereka menaikkan harga barangan itu antara 40 hingga 50 peratus di seluruh negara, kata Men-

teri Kewangan, Lim Guan Eng. Beliau berkata, ia berkaitan kenaikan harga terbit turut mengakibatkan kesan rantaian kepada pelbagai industri lain, khususnya syarikat pemaju perumahan.

Katanya, aduan kenaikan itu sudah dikemukakan kepada Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Penggunaan (KPDNHEP), Chong Chieng Jen, malah pertemuan bagi membincangkan isu terbit dijangka dibuat minggu depan.

"Kita nak tahu adakah kenaikan ini berpunca daripada impak monopoli apabila syarikat terbit mengawal 85 peratus pasaran simen negara, selain ia hanya menggunakan bahan tempatan.

"Perkara ini perlu diambil berat dan perhatian serius oleh kerajaan kerana ia hanya memberi keuntungan besar kepada satu atau dua

syarikat, sebaliknya memusnahkan lebih banyak industri dan ekonomi negara," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (PEHDA) negeri, Datuk Toh Chin Leong serta Pengerusi Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) negeri, Datuk Dr Ooi Eng Hock.

Kelmarin, harga simen di Johor Bahru dilaporkan melonjak naik, sekali gus mencetuskan kebimbangan dalam kalangan kontraktor berhubung kenaikan bahan binaan di beberapa bahagian lain di negara ini.

Presiden Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia (MBAM), Foo Chek Lee, dilaporkan berkata, pihak pengeluar setakat ini terus berdiam diri mengenai punca kenaikan harga simen sebanyak 1.5 kali ganda da-



Perkara ini perlu diambil berat dan perhatian serius oleh kerajaan"

Lim Guan Eng,
Menteri Kewangan

lam tempoh beberapa minggu.

Jejas harga jualan rumah Sementara itu, Eng Hock berkata, kenaikan harga simen itu memberi kesan peningkatan antara 15 hingga 20 peratus kos pembinaan rumah, selain turut menjejaskan harga jualan kediaman kepada orang ramai.

"Kita tidak pasti apa sebab di sebaliknya kenaikan harga simen ini. Tambahan pula, simen dijual dengan harga RM9 permeter padu (m3) ketika nilai mata wang negara sedang jatuh pada paras RM4.40 bagi AS\$1

"Bagaimanapun, kini simen dijual sehingga RM16 per m3, sedangkan nilai mata wang negara sudah semakin kukuh. Ini antara lain akan menjejaskan harga jualan rumah mampu milik di negara ini," katanya.

Ahad, 16 Jun 2019 | 5:29pm

Pengeluar simen perlu perjas kenaikan harga

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

GEORGETOWN: Syarikat pengeluar simen terbesar di Malaysia digesa memberi alasan susulan tindakan mereka menaikkan harga barangan itu antara 40 hingga 50 peratus di seluruh negara, kata Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Beliau berkata, ia berikutan kenaikan harga terbabit turut mengakibatkan kesan rantaian kepada pelbagai industri lain, khususnya syarikat pemaju perumahan.

Katanya, aduan kenaikan itu sudah dikemukakan kepada Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Chong Chieng Jen, malah pertemuan bagi membincangkan isu terbabit dijangka dibuat minggu depan.

"Kita nak tahu adakah kenaikan ini berpunca daripada impak monopoli apabila syarikat terbabit mengawal 85 peratus pasaran simen negara, selain ia hanya menggunakan bahan tempatan.

"Perkara ini perlu diambil berat dan perhatian serius oleh kerajaan kerana ia hanya memberi keuntungan besar kepada satu atau dua syarikat, sebaliknya memusnahkan lebih banyak industri dan ekonomi negara," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) negeri, Datuk Toh Chin Leong serta Pengerusi Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) negeri, Datuk Dr Ooi Eng Hock.

Sementara itu, Eng Hock berkata, kenaikan harga simen itu memberi kesan peningkatan antara 15 hingga 20 peratus kos pembinaan rumah, selain turut menjejaskan harga jualan kediaman kepada orang ramai.

"Kita tidak pasti apa sebab di sebalik kenaikan harga simen ini. Tambahan pula, simen dijual dengan harga RM9 permeter padu (m3) ketika nilai mata wang negara sedang jatuh pada paras RM4.40 bagi AS\$1

"Bagaimanapun, kini simen dijual sehingga RM16 per m3, sedangkan nilai mata wang negara sudah semakin kukuh. Ini antara lain akan menjejaskan harga jualan rumah mampu milik di negara ini," katanya.



LIM Guan Eng semasa sidang media, di Wisma Dap, Jalan Rangoon, Georgetown. - Foto Shahnaz Fazlie Shahrizal